

DBKL terus gempur penjaja 'steamboat' tanpa lesen

Penguat kuasa buat 6 tindakan sita, pindah barangan pada operasi kali kedua

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sekali lagi menggempur penjaja 'steamboat' atau LOLO menerusi satu Tindakan Khas Aktiviti Penjaja Tanpa Lesen dan Penjaja Warga Asing, kelmarin.

DBKL dalam hantaran di Facebook memaklumkan, operasi pemeriksaan ini dibuat untuk kali kedua di sekitar Jalan Haji Hussein dan Jalan Ampang (hadapan LRT Ampang Park) selepas operasi sama dibuat pada 18 Januari lalu.

Katanya, DBKL menerusi Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Titiwangsa melaksanakan operasi tindakan khas secara mengejut ke atas peniagaan dan penjajaan.

"Tindakan khas ini dibuat



Anggota penguat kuasa DBKL melakukan sitaan terhadap penjaja 'steamboat' di hadapan LRT Ampang Park, kelmarin.

(Foto FB DBKL)

secara mengejut melalui pemeriksaan dan tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti perniagaan dan penjajaan seperti penjaja makanan, minuman dan lain-lain aktiviti yang membuat kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen, salah guna lesen, halangan tred perniagaan di tempat awam dan penjaja warga asing.

"Melalui tindakan khas

yang dijalankan, DBKL membuat enam tindakan sita dan pindah barangan atau peralatan diletakkan di tempat awam terhadap pemilik restoran atau gerai, penjaja tanpa lesen warga negara dan penjaja tanpa lesen warga asing menerusi kesalahan mengikut Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Penjaja

(WPKL) 2016," katanya.

DBKL berkata, antara peralatan disita adalah kerusi meja, payung lipat, skuter elektrik, kenderaan LOLO dan lain-lain.

"Barangan dan peralatan yang disita, dipindahkan ke Setor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk rekod penyimpanan sementara dan dokumentasi," katanya.